

Kajian Awal *Outcome* EPP1 - Tanam Semula dan Tanam Baru Sawit Pekebun Kecil

Sheilyza Mohd Ishak*; Zulkifli Abd Manaf*; Nazirah Che Jaafar*; Humaira Mat Taib*; Kamalrudin Mohamed Salleh*; M. Ayatollah Khomeini*; Nur Hanani Mansor*; Nur Hana Basaruddin*; Nursuhana Dahari*; Hasmiza Desa*; Rahmahwati Rasuddin* dan Zaki Aman*

ABSTRAK

Skim Tanam Semula Sawit Pekebun Kecil (TSSPK) dan Tanam Baru Sawit Pekebun Kecil (TBSPK) telah dilancarkan pada tahun 2011 di bawah RMKe-10. Ia merupakan Entry Point Project 1 (EPP1) Key Economic Area (NKEA) komoditi sawit. Melalui program ini, pekebun kecil persendirian dibekalkan dengan anak benih berkualiti, baja untuk peringkat awal penanaman, bahan kimia untuk kawalan rumpai dan perosak serta insentif tunai untuk penyediaan kawasan dan menanam sawit. Pekebun kecil juga diberi khidmat nasihat mengenai penanaman dan pengurusan tanaman sawit oleh pegawai pengembangan MPOB. Satu kajian telah dijalankan untuk mendapatkan maklumat asas dan menilai kesan awal perlaksanaan EPP1. Hasil kajian mendapati purata umur peserta skim adalah 59 tahun. Sebanyak 45.6 % peserta merupakan pemilik - pengusaha kebun sawit. Purata hasil buah tandan segar (BTS) tahun pertama penuaian adalah 6.55t/ha/tahun. Terdapat peningkatan pendapatan bulanan peserta selaras dengan pencapaian hasil BTS iaitu sebanyak RM100/bulan (14.28%) bagi peserta TSSPK dan RM800/bulan pendapatan baru bagi peserta TBSPK. Di samping itu terdapat peserta yang mengusahakan tanaman jangka pendek secara integrasi dengan tanaman sawit. Aktiviti tersebut telah dapat menjana pendapatan sampingan sementara sawit belum mengeluarkan hasil. Peserta memberi respons yang baik terhadap khidmat pengembangan yang diberi oleh Pegawai TUNAS (Tunjuk Ajar dan Nasihat Sawit) MPOB dengan mengamalkan Amalan Pertanian Baik. Peserta juga berpuas hati dengan pelaksanaan skim dan perkhidmatan Pegawai TUNAS Kawasan. Hasil kajian merumuskan bahawa skim ini adalah relevan jika terus dilaksanakan pada masa akan datang dengan kaedah perlaksanaannya ditambah baik untuk meningkatkan keberkesannya demi mencapai objektif yang disasarkan.

* Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB),
6, Persiaran Institusi, Bandar Baru Bangi,
43000, Kajang, Selangor.
E-mel: sheilyza@mpob.gov.my

PENDAHULUAN

Kerajaan telah melancarkan lapan *Entry Point Project (EPP)* bagi tujuan meningkatkan Pendapatan Dalam Negara Kasar (KDNK) di bawah NKEA Sawit (PEMANDU, 2010). Dalam hal ini industri sawit disasarkan untuk menyumbang RM 178 bilion pendapatan iaitu tiga kali lebih tinggi berbanding RM53 bilion pada tahun 2009.

Salah satu daripada *EPP* yang dilaksanakan adalah *EPPI* iaitu Mempercepat Tanam Semula Sawit. Tujuan utama adalah untuk menanam semula pokok sawit tua yang tidak lagi produktif dan mempunyai hasil yang rendah (PEMANDU, 2010). Pelaksanaan *EPPI* juga meliputi Tanam Baru Sawit Pekebun Kecil (TBSPK). Melalui kedua-dua projek ini adalah disasarkan supaya produktiviti hasil Buah Tandan Segar Sawit (BTS), keluasan tanaman sawit dan pendapatan pekebun kecil sawit persendirian dapat ditingkatkan (MPOB, 2014).

Pekebun kecil yang memohon dan layak akan dibekalkan dengan anak benih berkualiti, baja untuk peringkat awal, bahan kimia untuk kawalan rumpai dan perosak serta insentif tunai untuk penyediaan kawasan dan menanam sawit. Nilai bantuan tidak melebihi RM 7,500/ha di Semenanjung dan RM 9,000/ha di Sabah dan Sarawak. Mereka juga mendapat khidmat nasihat Amalan Pertanian Baik khususnya mengenai penanaman dan pengurusan tanaman sawit daripada Pegawai TUNAS Kawasan MPOB (Choo, 2011). *Jadual 1* menunjukkan anggaran hasil BTS bagi tuaian tahun pertama iaitu pada tahun ketiga selepas tanam, sekitar 4.6 hingga 10.5 tan hektar/tahun (Kushairi, 2013).

JADUAL 1. ANGGARAN PROFIL HASIL BTS

Umur Pokok Sawit	Hasil BTS (tan/ha/tahun)		
	Rendah	Sederhana	Tinggi
3	4.6	8	10.5
4	8.8	12	15.5
5	13.1	18	22.0
6	17.1	22	26.0
7	20.4	26	31.0
8	21.4	27	32.5
9	22.4	28	33.5
10	22.4	28	33.5
11	21.4	27	32.5
12	19.5	25	31.0
13	19.5	25	31.0
14	19.5	25	31.0
15	19.5	25	31.1
16	18.5	23	28.0
17	18.5	23	28.0
18	18.5	23	28.0

Kajian mendapati pekebun kecil yang menyertai Skim Bantuan Anak Benih Sawit Berkualiti (SBABB) telah mencapai hasil BTS tuaian tahun pertama yang tinggi (7.3 tan/ha/tahun) berbanding dengan pekebun kecil yang tidak menyertai SBABB (3.42 tan/ha/tahun) (Zulkifli *et al.*, 2013). Kaji selidik itu juga mendapati bahawa pekebun kecil yang menyertai SBABB telah berjaya memperoleh pendapatan kasar sebanyak RM 3,250/ha/tahun untuk tahun pertama penuaian.

Hamdan (2016) melaporkan purata pengeluaran sawit pekebun kecil persendirian adalah dalam lingkungan 17.33 tan/ha/tahun iaitu lebih rendah berbanding purata negara sebanyak 22 tan/ha/tahun. Antara faktor utama yang menyebabkan hasil pekebun kecil tidak memberangsangkan adalah seperti berikut:

- i. Kurang pengetahuan dalam amalan perladangan yang betul
- ii. Penggunaan anak benih yang tidak berkualiti
- iii. Masalah sumber kewangan dan menyebabkan kebun tidak diurus dengan baik

Hamdan (2016) turut melaporkan, purata pendapatan bersih pekebun kecil sawit pula adalah RM 1,175/bulan/keluarga. Pendapatan tambahan juga boleh dijana daripada integrasi tanaman dan ternakan dengan sawit (Suboh, 2014). Pelaksanaan *EPP1* sehingga 31 Disember 2015 merekodkan seramai 42,196 pekebun kecil telah dibekalkan dengan anak benih sawit untuk penanaman dengan jumlah keluasan sebanyak 96,880 hektar (MPOB, 2016). Daripada jumlah tersebut penanaman pada tahun 2011 dan 2012 melibatkan keluasan berjumlah 14,902 hektar.

Kajian ini dijalankan untuk menilai *outcome* awal dari segi pencapaian hasil penuaian BTS tahun pertama dan pendapatan bagi peserta yang telah menanam sawit pada tahun 2011 dan 2012. Di samping itu maklumat lain yang berkaitan dengan pelaksanaan skim juga diperolehi melalui survei yang dijalankan termasuk aktiviti integrasi tanaman dengan sawit, Amalan Pertanian Baik dan penilaian tahap kepuasan pelanggan terhadap perkhidmatan yang diberi oleh Pegawai TUNAS.

OBJEKTIF KAJIAN

- i. Mendapatkan maklumat mengenai hasil sawit peserta.
- ii. Mendapatkan maklumat mengenai pendapatan peserta.
- iii. Mendapatkan maklumat asas kebun dan peserta termasuk tahap pengetahuan, Amalan Baik Pertanian, integrasi tanaman dan kepuasan pelanggan.

KAEDAH KAJIAN

Pemilihan Responden

Populasi kajian ini adalah terdiri daripada 8,901 peserta TSSPK dan TBSPK yang telah menanam sawit pada tahun 2011 dan 2012 serta telah menerima kesemua input pertanian. Bagi menentukan jumlah sampel yang diperlukan untuk analisis, kaedah pensampelan G-Power telah digunakan.

Pengumpulan Data dan Analisis

Data kajian telah dikumpulkan melalui temu bual bersemuka menggunakan borang survei yang berstruktur dan telah diuji. Reka bentuk borang survei dibahagikan kepada lima bahagian dan merangkumi maklumat berkaitan latar belakang pekebun kecil dan kebun, data mengenai hasil, pendapatan, pelaksanaan GAP dan persepsi terhadap skim dan MPOB sebagai agensi pelaksana. Sebagai penilaian awal, pengumpulan data dipecahkan mengikut zon dan fasa pertama dibuat di Zon Selatan iaitu di Johor. Seramai 90 orang pekebun kecil telah terlibat dan telah memberi maklum balas dalam survei yang telah dijalankan pada bulan Jun 2016.

HASIL KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Profil Responden

Hasil kajian menunjukkan rata-rata pekebun kecil yang terlibat dan memohon skim TSSPK dan TBSPK adalah berumur dalam lingkungan 55-65 tahun manakala tahap pendidikan adalah sehingga sekolah menengah (56.8%). Daripada 90 orang responden keseluruhan, hampir 63.3% pekebun kecil berstatus pekebun kecil sawit sepenuh masa serta mengusahakan sendiri kebun sawit mereka (45.6%). Bagaimanapun, terdapat juga kerja-kerja pengurusan sawit yang diupah kepada pihak ketiga seperti pembersihan dan penyediaan kawasan (51.1%) dan menuai BTS (55.6%) yang disebabkan oleh faktor usia dan pengetahuan pekebun kecil sendiri dalam melaksanakan kerja-kerja berkenaan. Bagi pengalaman atau jumlah tahun mengusahakan sawit, peserta TSSPK mempunyai pengalaman yang lebih (21-30 tahun; 48.9%) memandangkan mereka telah mengusahakan sawit sebelum penanaman semula jika dibandingkan dengan peserta TBSPK (1-10 tahun, 53.3%). Faktor ini akan memberi kelebihan kepada peserta TSSPK untuk lebih berjaya dalam pengurusan sawit setelah menyertai skim. Hasil kajian juga menunjukkan peserta skim yang menjadikan perladangan sawit sebagai pilihan adalah disebabkan oleh dua faktor iaitu sebagai sumber pendapatan (78.9%) dan minat (53.3%). Butiran lanjut adalah seperti di *Jadual 2*.

JADUAL 2. PROFIL RESPONDEN

Perkara	Jumlah	TSSPK	TBSPK
Bil. Responden	90	45 (50%)	45(50%)
Bangsa:			
Melayu	64 (71.1%)	34 (75.6%)	30 (66.7%)
Cina	26 (28.9%)	11 (24.4%)	15 (33.3%)
Purata Umur:	59 tahun	62 tahun	57 tahun
Tahap Pendidikan			
Tidak bersekolah	3 (3.4%)	2 (4.5%)	1 (2.3%)
Sekolah rendah	30 (34.1%)	21 (47.7%)	9 (20.5%)
Sekolah Menengah	50 (56.8%)	21 (47.7%)	29 (65.9%)
kolej/universiti	5 (5.7%)	-	5 (11.4%)
Status Perusahaan Kebun			
Sepenuh masa	57 (63.3%)	34 (75.6%)	23 (51.1%)
Separuh masa	33 (36.7%)	11 (24.4%)	22 (48.9%)
Pekerjaan Lain			
Kakitangan kerajaan	5 (10.0%)	-	5 (17.9%)
Kakitangan swasta	5 (10.0%)	1 (4.5%)	4 (14.3%)
Bekerja sendiri	40 (80.0%)	21 (95.5%)	19 (67.9%)

Perkara	Jumlah	TSSPK	TBSPK
Kebun diusahakan secara			
Sendiri	41 (45.6%)	18 (40.0%)	23 (51.1%)
Kontraktor	22 (24.4%)	8 (17.8%)	14 (31.1%)
Kedua-duanya	27 (30.0%)	19 (42.2%)	8 (17.8%)
Bahagian yang diupah			
Pembersihan/penyediaan kawasan	46 (51.1%)	21 (46.7%)	25 (55.6%)
Penanaman	40 (44.4%)	20 (44.4%)	20 (44.4%)
Pembajaan	34 (37.8%)	15 (33.3%)	19 (42.2%)
Merumpai	39 (43.3%)	19 (42.2%)	20 (44.4%)
Menuai	50 (55.6%)	27 (60.0%)	23 (51.1%)
Penjualan BTS	35 (38.9%)	18 (40.0%)	17 (37.8%)
Pengalaman mengusahakan sawit			
Tiada pengalaman	2 (2.2%)	-	2 (4.4%)
1-10 thn	31 (34.4%)	7 (15.6%)	24 (53.3%)
11-20 thn	15 (16.7%)	6 (13.3%)	9 (20.0%)
21-30 thn	27 (30.0%)	22 (48.9%)	5 (11.1%)
31-40 thn	13 (14.4%)	10 (22.2%)	3 (6.7%)
>40 thn	2 (2.2%)	-	2 (4.4%)
Sebab mengusahakan sawit			
Minat	48 (53.3%)	24 (53.3%)	24 (53.3%)
Mengisi masa lapang	7 (7.8%)	3 (6.7%)	4 (8.9%)
Warisan turun-temurun	17 (18.9%)	11 (24.4%)	6 (13.3%)
Sumber pendapatan	71 (78.9%)	32 (71.1%)	36 (86.7%)
Mudah diurus	7 (7.8%)	4 (8.9%)	3 (6.7%)
Kesesuaian tanah	1 (1.1%)	-	1 (2.2%)

Maklumat Kebun

Maklumat asas mengenai latar belakang kebun peserta yang dikumpulkan semasa survei dijalankan adalah seperti di *Jadual 3*. Maklumat ini adalah penting untuk mendapatkan potensi pengeluaran hasil sebenar berdasarkan jenis tanah, topografi, kepadatan tanaman dan keadaan akses kebun (Idris, 2007). Hampir 45.6% peserta skim mempunyai jenis tanah pedalaman dan topografi kebun yang rata (85.6%). Kepadatan tanaman juga adalah bersesuaian dengan jenis tanah iaitu sebanyak 148 pokok/hektar (46.7%). Bagaimanapun, seramai 36.7% peserta yang memaklumkan terdapat isu berkaitan akses kebun di mana, 15.6% daripadanya adalah berkaitan jalan ladang yang tidak sesuai.

JADUAL 3. MAKLUMAT KEBUN

Perkara	Jumlah	TSSPK	TBSPK
Jenis Tanah			
Lanar	14 (15.6%)	3 (6.7%)	11 (24.4%)
Pedalaman	41 (45.6%)	24 (53.3%)	17 (37.8%)
Gambut	35 (38.9%)	18 (40.0%)	17 (37.8%)
Jenis Topografi Kebun			
Rata	77 (85.6%)	38 (84.4%)	39 (86.7%)
Beralun/berbukit	13 (14.4%)	7 (15.6%)	6 (13.3%)
Kepadatan Tanaman			
136 pokok/ha	20 (22.2%)	9 (20.0%)	11 (24.4%)
148 pokok/ha	42 (46.7%)	21 (46.7%)	21 (46.7%)
160 pokok/ha	28 (31.1%)	15 (33.3%)	13 (28.9%)
Berdepan Masalah Akses ke Kebun			
	33 (36.7%)	16 (35.6%)	17 (37.8%)
Masalah Akses ke Kebun			
Jalan ladang tidak sesuai	14 (15.6%)	8 (17.8%)	6 (13.3%)
Tiada akses untuk jual BTS	10 (11.1%)	4 (8.9%)	6 (13.3%)
Banjir	6 (6.7%)	5 (11.1%)	1 (2.2%)

Hasil Buah Tandan Segar (BTS) Peserta Skim

Luas dan hasil BTS peserta adalah elemen penting dalam kajian ini. *Jadual 4.1* menunjukkan purata luas kebun peserta TSSPK dan TBSPK adalah 1.76 dan 1.64 hektar masing-masing. Keluasan ini masih di bawah keluasan ekonomik iaitu 4 hektar (Idris, 2012). Hasil BTS yang ditunjukkan dalam *Jadual 4.2* juga menunjukkan peningkatan hasil mengikut pertambahan tahun tuaian bagi kedua-dua skim iaitu TSSPK dan TBSPK. Bagi TSSPK, perbezaan hasil dapat dilihat bagi tahun 2009 hingga 2010 di mana terdapat penurunan hasil sawit pokok tua atau yang tidak produktif berbanding hasil selepas penanaman semula di mana purata hasil tertinggi adalah pada tahun 2015 iaitu 7.57 tan/hektar/tahun. Mengikut anggaran potensi hasil BTS kawasan tanah pedalaman bagi tahun pertama penanaman adalah 4.6 hingga 10.5 tan/hektar/tahun (Kushairi *et al.*, 2013). Hasil bagi tahun pertama penuaian adalah di dalam lingkungan potensi hasil yang ditetapkan iaitu 6.55 tan/hektar/tahun.

JADUAL 4.1. LUAS KEBUN PESERTA SKIM

Skim	Bilangan Pekebun Kecil	Hektar	Purata Luas (Hektar)
TSSPK	26	46	1.76
TBSPK	20	32.8	1.64

JADUAL 4.2. HASIL BUAH TANDAN SEGAR (BTS) PESERTA SKIM TSSPK DAN TBSPK

Tahun Tanam	Tahun Tuai	Purata Hasil Mengikut Tahun t/ha/tahun
-	2009	6.9120
-	2010	6.0900
2011	2013	6.5500
	2014	6.9000
	2015	7.5700

Bagi skim TSSPK, hasil BTS sebelum ditebang

Pendapatan Peserta Skim TSSPK dan TBSPK

Berdasarkan *Jadual 5*, terdapat peningkatan pendapatan daripada hasil jualan sawit selepas menyertai skim TSSPK iaitu sebanyak RM 100/bulan. Bagi skim TBSPK, terdapat pertambahan pendapatan baru iaitu RM 800/bulan. Ini jelas menunjukkan dengan menanam semula, pendapatan sawit bertambah walaupun masih dalam peringkat awal tahun penanaman (bawah lima tahun) berbanding pengeluaran hasil sawit tua yang tidak lagi produktif. Peningkatan pendapatan dijangka akan terus diperolehi oleh peserta termasuklah TBSPK kerana merujuk kepada *trend* pengeluaran hasil BTS yang ditunjukkan di dalam *Jadual 4.2*. Bagaimanapun, ini tertakluk kepada harga sawit semasa pada tahun akan datang. Terdapat juga aktiviti penanaman tanaman integrasi yang dilaksanakan oleh peserta skim seperti nenas, pisang, ubi kayu dan lada iaitu lapan orang peserta (8.8%) daripada keseluruhan responden.

JADUAL 5. MAKLUMAT PENDAPATAN KESELURUHAN

Perkara	Jumlah	TSSPK	TBSPK
Purata Tanggungan Isi Rumah (median) (orang)	1-4	1-4	1-4
Purata pendapatan bulanan sawit sebelum menyertai skim (median) (RM)	750	700	-
Purata pendapatan bulanan sawit selepas menyertai skim (median) (RM)	800	800	800
Integrasi (bil orang)			
Nenas	3	1	2
Pisang	3	1	2
Ubi kayu	1	1	-
Lada	1	-	1
Pendapatan lain Sebelum (median) (RM)	1,000	1,000	1000
Pendapatan lain Selepas (median) (RM)	1,400	800	2,000

Perubahan Amalan Pertanian Baik (GAP) Setelah Menyertai Skim

Beberapa soalan berkaitan Amalan Pertanian Baik [*Good Agriculture Practices* (GAP)] telah disoal kepada peserta skim. Empat skor telah ditetapkan di mana skor dan penerangan skor berkenaan adalah seperti *Jadual 6*.

JADUAL 6. SKOR AMALAN PERTANIAN BAIK (GAP)

Bil	Skor	Penerangan
1	Patuh dan berubah	Berubah kepada mematuhi GAP setelah menyertai skim
2	Patuh tidak berubah	Kekal patuh GAP daripada sebelum menyertai skim lagi
3	Tidak patuh dan berubah	Berubah kepada tidak mematuhi GAP setelah menyertai skim.
4	Tidak patuh dan tidak berubah	Kekal tidak patuh GAP sebelum dan selepas menyertai skim

Bagi skim TSSPK, berdasarkan *Jadual 7* jelas menunjukkan majoriti peserta berubah kepada patuh GAP setelah menyertai skim. Ini melibatkan kepada amalan sistem penanaman (64%), kuantiti (62.2%) dan kaedah pembajaan (68.9%), kawalan rumpai (68.9%), kawalan serangan penyakit (66.7%), penuaian (64.4%), pemantauan kekurangan nutrien (60%) dan mengutip buah relai (62.2%). Ini menunjukkan keberkesanan khidmat pengembangan oleh Pegawai TUNAS Kawasan dalam memberikan tunjuk ajar kepada pekebun kecil terutamanya peserta skim mengenai amalan pengurusan sawit yang betul.

Bagi peserta TBSPK pula, majoriti peserta patuh kepada GAP setelah melaksanakan skim. Tiada perubahan kepada amalan kerana skim ini diperkenalkan kepada pekebun kecil yang baru membuka kawasan untuk menanam sawit. Dapat dirumuskan bahawa matlamat untuk memberi pendedahan berkaitan GAP khususnya kepada peserta skim telah tercapai.

JADUAL 7. AMALAN PERTANIAN BAIK (GAP) SETELAH MENYERTAI SKIM

Perkara	Jumlah	TSSPK	TBSPK
Tidak menanam kawasan >25^o			
Patuh & Berubah	49 (54.4%)	29 (64.4%)	20 (44.4%)
Patuh & Tidak Berubah	38 (42.2%)	15 (33.3%)	23 (51.1%)
Tidak Patuh & Tidak Berubah	3 (3.3%)	1 (2.2%)	2 (4.4%)
Pembajaan di sekeliling pokok (pokok muda)			
Patuh & Berubah	51 (56.7%)	31 (68.9%)	20 (44.4%)
Patuh & Tidak Berubah	36 (40.0%)	13 (28.9%)	23 (51.1%)
Tidak Patuh & Berubah	1 (1.1%)	-	1 (2.2%)
Tidak Patuh & Tidak Berubah	2 (2.2%)	1 (2.2%)	1 (2.2%)
Keliling pokok bebas rumpai			
Patuh & Berubah	51 (56.7%)	31 (68.9%)	20 (44.4%)
Patuh & Tidak Berubah	37 (41.1%)	13 (28.9%)	24 (53.3%)
Tidak Patuh & Tidak Berubah	2 (2.2%)	1 (2.2%)	1 (2.2%)
Mengaplikasikan tanaman sistem segi tiga sama			
Patuh & Berubah	49 (54.4%)	30 (66.7%)	19 (42.2%)
Patuh & Tidak Berubah	38 (42.2%)	14 (31.1%)	24 (53.3%)
Tidak Patuh & Tidak Berubah	3 (3.3%)	1 (2.2%)	2 (4.4%)

Perkara	Jumlah	TSSPK	TBSPK
Pembajaan mencukupi			
Patuh & Berubah	48 (53.3%)	28 (62.2%)	20 (44.4%)
Patuh & Tidak Berubah	37 (41.1%)	14 (31.1%)	23 (51.1%)
Tidak Patuh & Berubah	2 (2.2%)	2 (4.4%)	-
Tidak Patuh & Tidak Berubah	3 (3.3%)	1 (2.2%)	2 (4.4%)
Pantau kekurangan nutrien			
Patuh & Berubah	47 (52.2%)	27 (60.0%)	20 (44.4%)
Patuh & Tidak Berubah	41 (45.6%)	17 (37.8%)	24 (53.3%)
Tidak Patuh & Tidak Berubah	2 (2.2%)	1 (2.2%)	1 (2.2%)
Pantau serangan penyakit			
Patuh & Berubah	46 (51.1%)	25 (55.6%)	21 (46.7%)
Patuh & Tidak Berubah	42 (46.7%)	19 (42.2%)	23 (51.1%)
Tidak Patuh & Tidak Berubah	2 (2.2%)	1 (2.2%)	1 (2.2%)
Kutip buah relai			
Patuh & Berubah	47 (52.2%)	28 (62.2%)	19 (42.2%)
Patuh & Tidak Berubah	40 (44.4%)	16 (35.6%)	24 (53.3%)
Tidak Patuh & Tidak Berubah	3 (3.3%)	1 (2.2%)	2 (4.4%)

Khidmat Pengembangan Oleh Pegawai TUNAS

Jadual 8 menunjukkan sejumlah 93.3% peserta telah diberikan khidmat nasihat oleh Pegawai TUNAS Kawasan manakala 66.7% peserta pula telah mengikuti kursus, seminar dan bengkel yang dianjurkan oleh MPOB. Masih terdapat ruang penambahbaikan yang boleh diambil pada masa akan datang supaya setiap peserta pada akhirnya dapat dipastikan telah mengikuti kursus anjuran MPOB bagi memastikan khidmat pengembangan dapat dilaksanakan dengan lebih berkesan.

JADUAL 8. KHIDMAT PENGEMBANGAN OLEH PUSAT KHIDMAT TUNAS

Perkara	Jumlah	TSSPK	TBSPK
Pernah mendapat tunjuk ajar TUNAS	84 (93.3%)	40 (88.9%)	44 (97.8%)
Pernah menghadiri kursus/seminar/sesi interaksi dengan TUNAS	60 (66.7)	34 (75.6%)	26 (57.8%)

Penilaian Pelaksanaan Skim dan MPOB sebagai Pelaksana

Penilaian peserta terhadap skim dan MPOB sebagai agensi pelaksana turut diperolehi semasa kajian ini. Maklumat ini adalah penting untuk MPOB menilai semula keberkesanan pelaksanaan secara keseluruhan meliputi peruntukan, kualiti dan pengagihan input serta perkhidmatan dan dasar-dasar yang telah dirangka. Berdasarkan skor yang telah ditetapkan di dalam *Jadual 9.1* iaitu lima (5) adalah sangat setuju, secara keseluruhan peserta berpuas hati dengan kenyataan bahawa skim ini dapat membantu mereka mengurangkan kos dari segi

pembelian input (4.29), menarik minat untuk menanam sawit (4.39) dan skim ini memberi faedah kepada pekebun kecil (4.42). Bagaimanapun, majoriti responden memaklumkan jumlah peruntukan input daripada skim ini adalah sederhana (3.67).

Responden juga berpuas hati dengan perkhidmatan MPOB sebagai agensi pelaksana (*Jadual 9.2*). Mereka bersetuju dengan kenyataan bahawa mereka yakin dengan kebolehan MPOB untuk membantu pekebun kecil (4.37), proses penyaluran input adalah cekap dan cepat (4.16), proses permohonan adalah mudah (4.24), input pertanian yang diberikan adalah berkualiti (4.33). Bagi kenyataan peserta mendapat input pertanian mengikut tempoh masa yang ditetapkan, majoriti menilainya tidak pasti (3.92).

Responden juga secara keseluruhan berpuas hati dengan khidmat pengembangan yang diberikan oleh Pegawai TUNAS Kawasan. Rata-rata bersetuju dengan kenyataan positif berkaitan dengan perkhidmatan TUNAS (*Jadual 9.3*).

JADUAL 9.1. PENILAIAN DAN KEPUASAN TERHADAP SKIM

Kepuasan Terhadap Skim	Purata Skor Kepuasan (daripada 5)		
	Jumlah	TSSPK	TBSPK
Skim EPP1 dapat membantu mengurangkan kos dari segi pembelian input	4.29	4.18	4.40
Peruntukan/input daripada skim ini adalah mencukupi	3.67	3.50	3.84
Skim ini menarik minat saya untuk menanam sawit	4.39	4.32	4.47
Skim ini memberi faedah kepada pekebun kecil	4.42	4.40	4.44

JADUAL 9.2. PENILAIAN TERHADAP MPOB SEBAGAI PELAKSANA

Penilaian terhadap MPOB sebagai pelaksana	Purata Skor Kepuasan (daripada 5)		
	Jumlah	TSSPK	TBSPK
Saya yakin dengan kebolehan MPOB di dalam membantu pekebun kecil menerusi skim EPP1	4.37	4.29	4.44
Program ini sentiasa dilaksanakan secara berterusan oleh MPOB	4.48	4.41	4.56
Proses penyaluran input benih adalah cekap dan cepat	4.16	4.02	4.29
Proses permohonan adalah mudah	4.24	4.11	4.38
Anak benih, baja dan bahan kimia racun yang diberikan adalah berkualiti	4.33	4.20	4.47

Peserta mendapat input pertanian mengikut tempoh masa yang ditetapkan	3.92	3.89	3.96
---	------	------	------

JADUAL 9.3. PENILAIAN TERHADAP TUNAS SEBAGAI AGEN PENGEMBANGAN

Penilaian terhadap TUNAS sebagai agen pengembangan	Purata Skor Kepuasan (daripada 5)		
	Jumlah	TSSPK	TBSPK
Pegawai TUNAS amat membantu di dalam permohonan dan penyaluran input bantuan	4.47	4.38	4.56
Pegawai TUNAS berpengalaman luar dalam bidang penanaman sawit	4.36	4.20	4.51
Pegawai TUNAS jujur dan amanah dengan tugasnya	4.42	4.32	4.51
Saya berpuas hati dengan khidmat nasihat dan pengembangan yang diberikan oleh Pegawai TUNAS	4.39	4.27	4.51
Pegawai TUNAS sering menganjurkan kursus yang berkaitan bagi membantu pekebun kecil mendapatkan informasi lanjut mengenai pengurusan sawit yang berkesan	4.01	4.02	4.00

KESIMPULAN

Hasil kajian mendapati setelah menyertai TSSPK dan TBSPK pendapatan peserta meningkat selaras dengan peningkatan hasil BTS. Di samping itu terdapat juga peserta yang mengusahakan beberapa jenis tanaman secara integrasi di dalam kebun sawit bagi mendapatkan pendapatan sampingan. Khidmat pengembangan yang dijalankan oleh Pegawai TUNAS Kawasan telah mencapai objektif berikutan peserta didapati mengamalkan Amalan Pertanian Baik (GAP) semenjak menyertai skim ini.

Umumnya peserta yang terlibat adalah golongan yang telah berusia dan berstatus pemilik-pengusaha. Responden juga telah menerima pendidikan formal sama ada di peringkat sekolah rendah, menengah, kolej dan universiti. Bagaimanapun terdapat beberapa bahagian pengurusan sawit yang memerlukan penggunaan jentera, tenaga dan kemahiran telah diupayakan kepada pihak luar seperti kerja-kerja pembersihan kawasan, penanaman dan penuaian BTS. Majoriti peserta memiliki kebun yang bertopografi rata dan jenis tanah pedalaman. Kepadatan tanaman sawit didapati bersesuaian dengan jenis tanah kebun yang dimiliki oleh mereka.

Peruntukan bagi input-input pertanian dan kos penyediaan kawasan yang diperlukan serta kaedah penyalurannya masih boleh ditambah baik. Dapat disimpulkan, peserta berpuas hati dengan pelaksanaan skim dan perkhidmatan pegawai MPOB serta khidmat pengembangan yang diberi oleh Pegawai TUNAS Kawasan. Hasil kajian ini juga

menunjukkan skim ini adalah relevan untuk pekebun kecil persendirian dan akan mendapat sambutan jika terus dilaksanakan pada masa akan datang.

RUJUKAN

CHOO, Y M (2011). *Malaysia's Economic Transformation Programme: the Role of the Oil Palm Industry, Plenary Lecture PL2, Proceeding of Agriculture, Biotechnology & Sustainability Conference, International Palm Oil Congress (PIPOC 2011)* ms. xix

HAMDAN, A B (2016). Factsheet Pekebun Kecil Jun 2016. *Unpublished*.

HAMDAN, A B (2013). *EPP2: Comparison on ISH Average FFB Yield 2012 and 2013, Appendix 4, NKEA Meeting: MPOB-PEMANDU 2/2003, 8 May 2013, Bangi. Unpublished*.

IDRIS, O (2012). Impak Program IRED terhadap pekebun kecil. MPOB. *Unpublished*.

IDRIS, O; ROSLAN, A; NAZIRAH, C J (2007) *A Survey on 30-Tonner Club Members to Select Suitable Candidates as MPOB Agents. Proceedings of the Roundtable Discussion on Oil Palm: Narrowing the Yield Gap towards Vision 35:25*.

KUSHAIRI, A (2013), *Oil Palm Biology: Facts & Figures*, ms. 67.

MPOB (2016), Laporan Tahunan 2015: Unit Pelaksanaan Projek, Bahagian Penyelidikan Integrasi dan Pengembangan, MPOB. *Unpublished*.

MPOB (2014), Risalah Skim Tanam Semula Sawit Pekebun Kecil (TSSPK) - *cetakan Ogos 2014*.

MPOB (2014), Risalah Skim Tanam Baru Sawit Pekebun Kecil (TBSPK) - *cetakan Ogos 2014*.

PEMANDU (2010), *ETP: A Roadmap For Malaysia*, ms. 281-314.

SUBOH, I; IDRIS, O; WAHID, O (2014). Integrasi Sawit Pemacu Kesejahteraan Ekonomi. Buku Integrasi Tanaman dan Ternakan: Pemacu Kesejahteraan Industri Sawit. ms 4-13.

ZULKIFLI ABD MANAF; AYAT K AB RAHMAN; NURUL AIMI ABD HALIM; SUBOH ISMAIL dan RAMLI ABDULLAH (2013). *Assessment of the Oil Palm Seedlings Assistance Scheme on Fresh Fruit Bunch Yield and Income of Smallholders. Oil Palm Economic Journal*. ms. 35-44.